UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

MESYUARAT PENGURUSAN InQKA (MPI)

MINIT MESYUARAT PENGURUSAN InQKA (MPI) KE-47 BIL. 09/2019

Tarikh : 7 Ogos 2019 (Rabu)	Tempat : Bilik Seminar 1 AAGBS
Masa : 2.30 petang	UiTM Shah Alam

HADIR

1. Prof. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor - Pengerusi
   Penolong Naib Canselor
2. Prof. Madya Dr. Ts. Nik Rosli Abdullah
   Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi
3. Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah
   Pengarah Jaminan Kualiti Dalaman
4. Dr. Norazian Yusuwan
   Wakil Unit Pencapaian dan Penarafan
5. Dr. Norhafezah Kasmuri
   Wakil Unit Inovasi dan Kreativiti
6. Puan Siti Norul'Ain Mohd. Azizi
   Ketua Unit Pentadbiran
7. Puan Noor Sazila Md Sarip
   Wakil Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu
8. Puan Nor Nazifah abd. Jamil
   Wakil Kelab Kebajikan InQKA
9. Puan Siti Nor Juhirniza Mior Mohd. Tahir
   Unit Pentadbiran dan ICT
10. Puan Norlelawati binti Mohamad Adi - Pencatit Minit
    Setiausaha

TURUT HADIR

1. Puan Nurul Nadzirah Ismail
   Pegawai Eksekutif

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1. Ir. Dr. Amirul Abd. Rashid
   Ketua Unit Pencapaian dan Penarafan

2. Dr. Nor Hanisah Mohd. Hashim
   Ketua Unit Inovasi dan Kreativiti

3. Dr. Rasidah Hamid
   Ketua Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
A.	**PENDAHULUAN** Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah. Pengerusi mengalu-alukan kedatangan hadirin ke mesyuarat pada petang ini. Pengerusi mengucapkan tahniah kepada Unit Penarafan kerana berjaya menghantar data SETARA. Namun begitu beliau meminta di lain masa sebelum data dihantar perlu dihantar kepada Naib Canselor dan disertakan sekali surat iringan daripada Naib Canselor. Bengkel Perancangan Strategik UiTM 2019 telah diadakan di ILD pada 26 hingga 28 Julai 2019. Pengerusi telah menghadiri bengkel tersebut bersama Dr. Azizah. Salah satu yang dibincangkan adalah penstrukturan semula Pejabat Naib Canselor dan InQKA juga terlibat sama yang mana Jabatan Web Media telah dipindahkan. Sehubungan itu, tadbir urus InQKA juga telah berubah. Pengerusi memohon supaya peruntukan untuk Jabatan Web Media diserahkan kepada jabatan yang baharu. Pengerusi memaklumkan yang beliau juga telah menghadiri Latihan Penyediaan Laporan Audit Dalam pada 24 – 25 Julai 2019 anjuran Unit SKKO. Bengkel yang bagus dengan kehadiran peserta yang memberangsangkan. Bagi Perancangan Strategik 2020, Pengerusi memaklumkan bahawa calendar online akan digunakan. Pengerusi juga memaklumkan bahawa Puan Siti Nor Juhirniza telah menggabungkan 2 sheet Excel bagi memudahkan setiap ketua merekodkan setiap pencapaian. Pengerusi meminta supaya Puan Siti Norul'Ain dan Puan Norlelawati menggunakan system MyMesyuarat untuk kegunaan Mesyuarat Pengurusan InQKA, Mesyuarat Jabatan InQKA dan Mesyuarat JKPPP.	 Makluman Unit Pentadbiran Makluman Makluman Unit Pentadbiran

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
B.	**PENGESAHAN MINIT MESYUARAT YANG LEPAS** Minit Mesyuarat MPI ke 46 Bil 8/2019 disahkan dengan Prof. Madya Ts. Dr. Nik Rosli Abdullah dan disokong oleh Puan Siti Norul'Ain dengan pindaan.	
C	**Perkara berbangkit**	
	Unit Pentadbiran Mesyuarat Post Mortem Majlis Jalinan Aidil Fitri InQKA telah diadakan pada 16 Julai 2019. Hasil daripada mesyuarat tersebut mendapati banyak makanan lebih kerana pihak caterer datang lewat dan kehadiran jemputan VIP yang kurang memberangsangkan. Pengerusi menyarankan supaya caterer tersebut direhatkan selama setahun. Pengerusi juga meminta supaya susun atur tempat duduk diperbaiki di masa akan datang.	Unit Pentadbiran
	Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu E2/2 : Write up untuk program KIK telah pun dibuat Pengerusi meminta supaya write up bagi setiap program anjuran InQKA dibuat lebih awal dan maklumat boleh didapati daripada kertas kerja.	Unit Komunikasi
D	**Agenda**	
D1	**Rethinking Efficiency 2020** Puan Nurul Nadzirah melaporkan : 1. Satu lawatan tapak ke Avani Resort Goldcoast, Sepang telah diadakan pada 6 Ogos 2019 bersama Puan Nor Azmah, Puan Fauzilah dan Cik Norazah. 2. Seramai 54 peserta akan menyertai program *Rethinking Efficiency* 2020. 3. Surat jemputan kepada peserta sedang dalam proses. 4. Waktu *check-in* di hotel adalah pada jam 3.00 petang dan kunci akan diedarkan di dewan pada 14 Ogos 2019. 5. Acara sukaneka dan majlis makan malam akan dikendalikan oleh Puan Nor Azmah. Tema yang dipersetujui untuk majlis makan malam adalah Tema Bollywood.	Makluman

E	**Laporan daripada Unit**	
E1	**Unit Penarafan** Dr. Norazian melaporkan : 1. Unit Penarafan telah menghadiri Klinik SETARA pada 11 Julai 2019. Ianya berkenaan dengan perbincangan mengenai sebarang isu berkaitan penyediaan data dan dokumen SETARA 2019. 2. Pembentangan Laporan Kemajuan Projek Trans4u 2.0 Bersama Pengarah Peneraju – Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) telah pun diadakan pada 12 Julai 2019. 3. Mesyuarat Ads-Campaign 2019 telah diadakan pada 23 Julai bagi membincangan kemajuan kerja, konsep dan idea untuk Ads-Campaign 2019. 4. Penghantaran data SETARA ke Kementerian Pendidikan Tinggi telah pun dibuat pada 31 Julai 2019. 5. Mesyuarat Data Management UiTM telah diadakan pada 1 Ogos 2019 bagi mengenalpasti *attributes* yang terlibat. 6. Mesyuarat Suapan Data ke system UiRIS melalui kaedah integrasi untuk penghantaran data kritikal ke Badan Penarafan telah diadakan pada 2 Ogos 2019. Ianya bertujuan untuk mencapai kata putus bagi beberapa perkara yang berkaitan dengan pembangunan sistem UiRIS. 7. Bengkel Website Greenation@UiTM dijalankan pada 7 Ogos 2019. Bengkel ini adalah mengenai proses kemasukan data bagi tujuan penarafan UIGM melalui platform SWWEET. Pengerusi meminta supaya sistem dibuat ujilari terdahulu sebelum data dimasukkan. 8. Bengkel Pemurnian Data UIGM akan diadakan pada 17 hingga 19 Ogos 2019 di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi. Perbincangan mengenai *blueprint* dan hala tuju agenda kelestarian UiTM dan pemurnian data bagi tujuan penarafan UIGM akan dibuat. 9. Lawatan tapak penarafan SETARA akan diadakan sekitar bulan Oktober 2019. 10. Pembentangan kemajuan kerja Ads-Campaign 2019 akan dibuat dalam Mesyuarat Ads-Campaign yang dijadualkan pada 28 Ogos 2019.	Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman Unit Penarafan Makluman Makluman Unit Penarafan

Pengerusi mohon supaya diubah tarikh mesyuarat kerana pada tarikh berkenaan Pengerusi terlibat dengan kursus anjuran ILD.

11. Aktiviti felo

Makluman

No	Aktiviti	Keterangan Berita/Aktiviti	Tarikh	Media
1.	Inqka E-Newsletter – with Norzila	1. "Let's Meet the 2nd Most Influential Woman in Islamic Business & Finance!": Prof Dr. Normah Omar, ARI 2. *VR – A Breakthrough to Redefining Neuro Rehabilitation:* Assoc. Prof. Dr. Fazah Akhtar Hanapiah (Faculty of Medicine)	July 2019	InQKA E-Newsletter
2.	QS Wow News (8 articles)- Published	1. Faculty of Business and Management -5 articles 2. Faculty of Music - 1 article (It was chosen as editor pick) 3. Faculty of Computer and Mathematical Sciences - 2 articles	July 2019	QS WOW News
3.	Conducted Interview Top 5 faculties – to be highlighted in UiTM	Faculty of Business and Management Assoc Prof Dr.Siti Halijjah Highlighting Islamic Finance Summer Programme	July 2019	

No	Aktiviti	Keterangan Berita/Aktiviti	Tarikh
4.	Conducted Interview on UiTM High Influencer for E-Newsletter	Assoc. Prof. Dr.Imbarine Bujang	July 2019

Planned Activities (August 2019)

1. VC's Restructuring Plan

2. E- Newsletter write-up

i. Assoc. Prof. Dr.Imbarine Bujang
ii. Faculty of Business

3. QS Wow News

i. Faculty of Accounting
ii. Faculty of Civil Engineering
iii. Faculty of Business & Management

4. Interviews

i. Prof Rozi – Leadership & Quality
ii. Dental breakthrough
iii. Autism
iv. Faculty of Accountancy

	12. Laporan eRTS  **Resident Reviewer Status** : 1. Prof. Faridah 2. Prof/Profesor Madya (Potential -1)	
	13. Pembentangan kertas kerja permohonan bayaran penyertaan UiTM di QS in Conversation 2019 pada 14-15 Oktober 2019 di Lithuania, anjuran QS Asia berjumlah RM11,450.00. Ahli mesyuarat telah meluluskan permohonan dengan implikasi kewangan sebanyak RM11,450.00.	Unit Penarafan
	14. Pembentangan kertas kerja permohonan bayaran penyertaan UiTM di QS Worldwide 2019 pada 19-20 September 2019 di Almaty, Kazakhstan anjuran QS Asia berjumlah RM31,020.00. Ahli mesyuarat telah meluluskan permohonan dengan implikasi kewangan sebanyak RM31,020.00.	Unit Penarafan
E2	**Kelab Kebajikan** Puan Nor Nazifah melaporkan :	
	1. Baki terkini untuk kewangan kelab adalah sebanyak RM625.00.	Makluman
	2. Program Cinta Ilmu yang ke-4 telah diadakan pada 28 Ogos 2019 dan telah disampaikan oleh Ustazah Norfaizah. Tajuk tazkirah adalah 'Qurban'.	Makluman
	3. Kelab Kebajikan memohon supaya mesyuarat melantik Pengerusi kelab yang baharu memandangkan Dr. Hayati telah pun di pindah ke Bahagian Komunikasi. Ahli mesyuarat setuju untuk melantik Dr. Zalilah Abdul Aziz,	Unit Pentadbiran

	Ketua Akreditasi Program S&T sebagai Pengerui Kelab Kebajikan yang baharu. 4. Kelab Kebajikan memohon supaya dikeluarkan surat penghargaan kepada mantan Pengerusi.	Unit Pentadbiran
E3	**Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu** Puan Noor Sazila melaporkan : 1. Penulisan Program telah pun dimuatnaik di dalam laman web InQKA termasuk di *NewsHub*. Antara penulisan yang telah dimuatnaik adalah : • Bengkel Dokumentasi Buku Konvensyen Panel Kualiti UiTM 2019 • Laporan Audit Dalam Siri 2 • Bengkel Dokumentasi Projek KIK 2. Rekabentuk 	Makluman Makluman

	3. Bagi keberkesanan penggunaan applikasi webinar untuk program Sambutan Hari Kualiti Sedunia 2019, ujilari aplikasi webinar akan dijalankan dalam Program "Apa Khabar UiTM".	Unit Komunikasi
	4. Sebanyak 934 helai sijil telah dicetak dan 97 helai lagi sedang dalam proses.	Unit Komunikasi
	5. Poster Dasar Kualiti UiTM telah disiapkan dan sedang disemak oleh Unit SKKO. Pengerusi meminta sebelum dihantar kepada Naib Canselor tunjuk dahulu kepada beliau.	Unit Komunikasi
	6. Manual Prosidur Kerja sedang dalam proses dimurnikan manakala MPK bagi Unit Komunikasi telah disiapkan dan mempunyai 6 proses utama: i. Pengurusan Penerbitan Buku InQKA ii. Pengurusan Pendaftaran ISBN/ISSN iii. Pengurusan Reka Bentuk/ Infografik iv. Pengurusan Percetakan v. Pengurusan Laman Web InQKA vi. Pengurusan Laman Media Sosial InQKA	Unit Komunikasi
	7. Pelaporan Buku Penerbitan a. Buku Perancangan Strategik 2019 Buku ini telah selesai dimuat naik ke dalam laman web InQKA dan telah dihantar untuk dicetak sebanyak 20 naskah. 2 naskah akan dihantar ke Perpustakaan Negara.	Unit Komunikasi
	b. Buku Konvensyen Panel Kualiti UiTM 2019 Buku ini sedang dalan proses Susun atur dalam *layout* dan ada beberapa bahan yang masih belum lengkap.	Unit Komunikasi
	c. Programme Accreditation Evaluation Handbook Buku ini telah dibuat pendaftaran nombor ISBN namun begitu bahan masih belum diterima dari Unit IQA. Pengarah IQA memaklumkan Encik Mohd Fizal masih belum menyerahkan Rubrik Penilaian *Macros* kepada beliau.	Unit IQA
E4	**Unit Jaminan Kualiti** Dr Azizah melaporkan : 1. Bengkel Penilaian Program Akademik telah diadakan pada 6 hingga 7 Ogos 2019 di Hotel Best Western dan telah menilai	Makluman

sebanyak 18 program.

2. Lawatan audit akreditasi program telah ditetapkan sebagaimana berikut :

BIL.	PROGRAM	LOKASI	PENILAIAN	TINDAKAN	NOTA	SEKRETARIAT
1.	Diploma Seni Pastri (Diploma In Pastry Art)	UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh	Akreditasi Sementara Dan Penuh	Dokumen telah diserahkan kepada panel dalaman; Dr Ahmad Esa (Timbalan Dekan HEP, FPHP) & Dr Shatina Saad (FPP)	Lawatan Audit Akreditasi Program : 24 & 25 Sept 2019	Ayuni
2.	Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal (Kepujian) (IC220),	Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam	Akreditasi Penuh	Panel telah dikenalpasti:Dr Risyawati Mohamed Ismail (UUM) Dr Hadijah Iberahim (AAGBS) En Shariful Amran (UiTM Kelantan)	Emel telah dihantar ke Dekan Fakulti Lawatan Audit Akreditasi Program : 24 & 25 Sept 2019	Dr. Fadzlina Mohd Fahmi Dr. Zalilah

BIL.	PROGRAM	LOKASI	PENILAIAN	TINDAKAN	NOTA	SEKRETARIAT
3.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Kepujian) Teknologi Hortikultur	UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau	Akreditasi Penuh	Panel telah dikenalpasti Dr Noriah (5&6) Pn Evana Kamarudin (3,4,6)	Lawatan Audit Akreditasi Program : 01 – 02 Oktober 2019	Dr. Fadzlina Mohd Fahmi Dr. Zalilah
4.	Sarjana Muda Kesihatan Dan Kecergasan	UiTM Cawangan Perlis	Akreditasi Penuh	Dr. Norhafizah Abdul Rahman Dr. Maria Justine Dr. Asiah Mohd Pilus		Dr. Fadzlina Mohd Fahmi Dr. Zalilah
5.	Diploma Akuakultur	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah	Akreditasi Penuh	Encik Mohammad Shahrimi Hashim Puan Zarina Abu Bakar	Lawatan Audit Akreditasi Program : 8 – 9 Oktober 2019	Dr. Zalilah
6.	Sarjana Muda Sains Perniagaantani	UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin	Akreditasi Penuh	Dr. Alia Md Yusof Dr Emida Mohamad	Lawatan Audit Akreditasi Program : 15 – 16 Oktober 2019	Dr. Fadzlina Mohd Fahmi

BIL.	PROGRAM	LOKASI	PENILAIAN	TINDAKAN	NOTA	SEKRETARIAT
7.	Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Pembinaan	UiTM Kampus Perak Cawangan Seri Iskandar	Akreditasi Penuh	Dr. Rezian-na Mohamed Kassim	Lawatan Audit Akreditasi Program : 22 – 23 Oktober 2019	Dr. Zalilah
8.	Diploma Animasi	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh		Lawatan Audit Akreditasi Program : 29 – 30 Oktober 2019	Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah Dr. Fadzlina Mohd Fahmi Dr. Zalilah Puan Nur Ayuni Salim
9.	Diploma Penulisan Skrip	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh			
10	Sarjana Muda Penulisan (Kepujian) Penulisan Kreatif					
11	Sarjana Muda Penulisan (Kepujian) Penulisan Skrin					

	3. Senarai program untuk dibawa ke mesyuarat JKPPP pada 29 Ogos 2019 adalah :	Unit IQA

BIL.	PROGRAM	LOKASI	PENILAIAN	TINDAKAN
1.	SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN) KOMUNIKASI DATA DAN PERANGKAIAN)		SEMAKAN KURIKULUM	
2.	SARJANA SAINS KESELAMATAN SIBER DAN FORENSIK	FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK, SHAH ALAM	AKREDITASI SEMENTARA	
3.	SARJANA MUDA SAINS (KEP.) EKO-TEKNOLOGI	FAKULTI SAINS GUNAAN, UITM SHAH ALAM	AKREDITASI SEMENTARA	
4.	SARJANA SAINS INFORMATIK MOLEKUL	FAKULTI FARMASI, UITM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK ALAM	AKREDITASI SEMENTARA	PAKAR BIDANG PERLU DIKENALPASTI
5.	SARJANA INDUSTRI BUDAYA DAN KREATIF	FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI, UITM CAW. SELANGOR KAMPUS PUNCAK PERDANA	AKREDITASI SEMENTARA	
6.	SARJANA MUZIK PERSEMBAHAN	FAKULTI MUZIK, UITM SHAH ALAM	AKREDITASI SEMENTARA	

	4. Pengarah IQA memaklumkan beliau telah menghadiri taklimat *The Best Practices of Managing Franchise Programme* anjuran InED pada 7 Ogos 2019.	
	5. Perancangan Strategik 2020 bagi Unit IQA adalah bertemakan pengembangan ilmu. Penstrukturan dalaman unit juga telah ditambahbaik : Sains dan Teknologi : Dr. Zalilah dan Puan Ayuni Sains Sosial : Dr. Fadzlina dan Puan Nuryuhaini	Makluman
E5	**Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi** Dr. Nik Rosli melaporkan :	
	1. Latihan Penggunaan Sistem *Online Process Improvement Register (OPIR 2.0)* telah diadakan pada 10 – 12 Julai 2019 melibatkan OE Trainer dan Ketua Unit Kualiti Baharu UiTM.	Makluman
	Sistem JURIM dan Sistem Letter Tracking	Makluman
	2. Latihan Penyediaan Laporan Audit Dalam telah diadakan pada 24 – 25 Julai 2019 di Institut Kepimpinan dan Pembangunan, Bandar Enstek. Seramai 50 orang peserta dari fakulti, cawangan dan bahagian telah diberi pendedahan untuk melaksanakan Audit Dalam berdasarkan kepada ISO, COPIA, QAEP dan Standard Program. Di akhir program peserta telah menunjukkan hasil *mock* audit melalui rakaman video dan penulisan laporan.	
	3. Sistem *OPIR 2.0* telah dibuka mulai 1 Ogos 2019. 4 PTJ telah memasukkan maklumat penambahbaikan proses.	Makluman

PTJ	TAJUK PROSES
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah	i. Permohonan Aktiviti Pelajar (HEP) ii. Permohonan Tempahan Bilik Seminar dan Bilik Perbincangan PTAR (LRRS) iii. Permohonan Salinan Transkrip dan Surat Pengesahan Pelajar Bagi Pelajar yang Telah Tamat Pengajian (HEA)
UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub	i. Pelaporan SRK Berasaskan Awan (Cloud)
Fakulti Muzik	i. Proses Jadual Waktu Latihan Ensemble
Fakulti Farmasi	i. Pengurusan Makmal (Pengurusan Baka Tikus)

	4. Kursus Audit Dalam anjuran Fakulti Pendidikan telah dijalankan pada 5 hingga 6 Ogos 2019. Seramai 33 orang peserta telah hadir dan menjalani ujian kompetensi sebagai Auditor Dalaman Fakulti.	Makluman
	5. Kursus Audit Dalam ISO 9001:2015 akan datang adalah pada 20 hingga 21 Ogos 2019.	Unit SKKO
E6	Unit Inovasi dan Kreativiti Dr. Norhafezah melaporkan :	
	1. Mesyuarat bersama Pakar Rujuk KIK UiTM Bil 1/2019 telah diadakan pada 17 Julai 2019. Membincangkan beberapa agenda sebelum penganjuran Konvensyen KIK Peringkat Zon dan UiTM.	Makluman
	2. Unit KIK telah menyertai Bengkel Dokumentasi Konvensyen Panel Kualiti UiTM 2019 yang dijalankan pada 22 – 23 Julai 2019. Aktiviti penulisan telah diselesaikan dan dimuatnaik dalam GoogleDrive.	Makluman
	3. Perjumpaan dengan Puan Saliza Saari, Timbalan Pengarah, Central Region Office, Malaysia Production Corporation (MPC) telah dibuat pada 26 Julai 2019. Ianya merupakan perbincangan tentang *International Convention on Quality Control Circle* (ICQCC) 2019 di Tokyo, Jepun.	Makluman
	4. Mesyuarat bersama Jawatankuasa penganjur Konvensyen KIK peringkat UiTM 2019 telah diadakan pada 29 Julai 2019 secara *video conference*. Ianya bagi mengemaskini perkembangan penganjuran Konvensyen KIK peringkat UiTM 2019 di UiTM Terengganu	Unit KIK
	5. Deraf pertama brosur dan bunting JURIM Online Management Systems (JOMS) telah dihasilkan oleh Encik Asrol Hassan, AJK JOMS.	Unit KIK
	6. Bengkel Pengemaskinian Dokumen KIK UiTM telah diadakan pada 31 Julai hingga 2 Ogos 2019. Bengkel ini adalah untuk mengemaskini dokumen KIK oleh kumpulan IK yang akan bertanding di Konvensyen KIK peringkat Zon	Makluman

	7. Mengemaskini maklumat KIK terkini di laman Web InQKA. Maklumat terkini dan borang yang telah dimurnikan akan dimuatnaik di laman Web InQKA setelah keputusan dalam mesyuarat pakar rujuk bersetuju dan tiada perubahan terhadap borang yang telah dimurnikan.	Unit KIK
	8. Kertas kerja cadangan Pelan Pengkomersilan Produk KIK (*Business Model*) akan ditambahbaik dan akan dikemukakan di Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU)	Unit KIK
	9. Satu sesi perbincangan bersama pihak INTAN akan diadakan pada 9 Ogos 2019. Perjumpaan ini bertujuan untuk berkolaborasi antara kedua-dua pihak. Satu salinan MOU untuk cadangan kolaborasi telah disediakan. Pengerusi meminta supaya deraf MOU diberikan kepada beliau untuk disemak.	Unit KIK
E7	**Unit Pentadbiran** Puan Siti Norul'Ain melaporkan : 1. Beliau telah menerima jemputan untuk Bengkel Pengurusan Sumber Manusia UiTM Tahun 2019 pada 17 hingga 19 Ogos 2019. MyPortfolio adalah gabungan Manual Prosidur Kerja dan Fail Meja. Sebelum 31 Disember 2019, semua staf pentadbiran perlu menyiapkannya.	Unit Pentadbiran
	2. SiEQA 2019 akan diadakan pada 22 hingga 23 Oktober 2019 dan 9 orang wakil daripada UiTM akan dihantar.	Makluman
	3. Unit Pentadbiran akan murnikan semua surat pelantikan.	Makluman
	4. Unit Pentadbiran telah memberi peringatan kepada staf pentadbiran InQKA untuk mengemaskini Sasaran Kerja Tahunan sebelum 17 Ogos 2019.	Makluman
	5. Puan Siti Norul'Ain memaklumkan bahawa Puan Nuryuhaini akan diletakkan dibawah Unit IQA. Pengerusi memaklumkan bahawa Puan Nuryuhaini tidak membuat Sasaran Kerja Tahunan, oleh itu markah beliau tidak boleh melebihi 80%.	Unit IQA
	Anugerah Khas Naib Canselor Puan Siti Norul'Ain memaklumkan telah menerima 41 penyertaan semasa tarikh tutup penghantaran dokumen. Pejabat Pendaftar telah memohon untuk lewat menghantar dokumen. Pengerusi meminta supaya dihantar surat ingatan kepada peserta.	Unit Pentadbiran

	ICT Puan Siti Nor Juhirniza melaporkan : 1. Komputer sewaan 4 unit untuk Dr. Amirul, Puan Nor Aini, Puan Ayuni dan Kerani IQA telah pun diterima pada 16 Julai 2019.	Makluman
	2. Terdapat 4 unit komputer sewaan akan diambil pada 31 Oktober 2019 dan ianya melibatkan komputer Puan Siti Norul'Ain, Puan Hairina, Cik Norazah dan Encik Izwan.	Makluman
	3. Sewaan baharu bagi 6 unit computer sedang dalam proses menukar jawatan permohonan.	Makluman
	4. Komputer peribadi belian 3 Resources sebanyak 4 unit, 1 unit pencetak dan 2 unit scanner sedang dalam proses pelupusan.	Makluman
	5. Sebanyak 12 unit peralatan telah dipindahkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat (Unit Web Media) : • 2 unit Workstation • 8 unit komputer belian • 1 unit scanner • 1 unit printer • 1 unit Ipad • 1 unit handphone Sony	Makluman
	6. Beliau juga memberi peringatan supaya Borang Peralatan Iventori (borang KEW.PA) ada di tempat masing-masing dan dikemaskini sebelum atau pada **19 Ogos 2019.**	Makluman
	7. Puan Siti Juhirniza memaklumkan 2 akaun Google Cloud akan didaftarkan di atas nama IQA dan InQKA(secara tidak rasmi) oleh pihak Pusat Data.	Makluman
	8. Submission Turnitin 2018 - 2019  	

	Submission Tertinggi Mengikut Bulan/2019 **Month** / **Faculty** / **Total** January — Fakulti Pengurusan Perniagaan — 1588 February — Institute Of Graduate Studies — 353 March — Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi — 828 April — Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka — 1641 May — Institute Of Graduate Studies — 2114 June — Institute Of Graduate Studies — 2889 July — Institute Of Graduate Studies — 1454 August	
F	**Hal-hal lain** 1. Pengerusi memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa pada Perancangan Strategik kali ini akan menggunakan kalendar secara online. 2. Pengerusi mengesa supaya Ketua Unit Pentadbiran untuk membantu Puan Nuryuhaini mencari bilik sewaan dengan kadar segera bagi mengelakkan beliau terus mendiami bilik stor. 3. Pengerusi meminta supaya Ketua Unit Pentadbiran untuk memantau kehadiran staf yang memilih waktu kerja berperingkat WP1 (7.30 pagi).	Makluman Puan Siti Norul'Ain Puan Siti Norul'Ain

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 6.00 petang.

Disediakan oleh:

.....

Norlelawati Mohamad Adi
Setiausaha

Tarikh : 20/8/2019

Disahkan oleh:

.....

Prof. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor
Pengerusi

Tarikh : 21/8/2019